

Penularan COVID-19 (18 Julai 2021) Berita Harian 1 p.4

Selangor, Kuala Lumpur kekal dalam Fasa Satu PPN

Nilai ambang tiga indikator perlu dicapai sebelum beralih ke Fasa Dua

Oleh Nor Azizah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Selangor dan Kuala Lumpur kekal dalam Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) walaupun kerajaan mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) tidak dilanjutkan di dua negeri berkenaan, kelmarin.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata nilai ambang tiga in-

dikator utama di Selangor dan Kuala Lumpur perlu dicapai sebelum beralih ke Fasa Dua PPN.

“Nilai ambang vaksinasi 10 peratus populasi dewasa sudah dicapai, tetapi kes masih tinggi, manakala tahap penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) masih kritikal.

“PKPD akan dikenakan ke atas lokaliti yang merekodkan trend peningkatan kes COVID-19 yang mendadak,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Kerajaan menamatkan PKPD di 34 mukim di Selangor bermula tengah malam kelmarin, selepas arahan itu berlangsung selama dua minggu bermula 3 Julai lalu, manakala pelaksanaan PKPD di sembilan lokaliti di Kuala Lumpur tamat Jumaat lalu.

Antara prosedur operasi standard (SOP) pada Fasa Satu PPN termasuk tiada rentas negeri

dan daerah bagi semua individu, termasuk suami isteri jarak jauh tanpa kebenaran, dua orang dibenar dalam kereta untuk membeli barang keperluan, perjalanan tidak melebihi 10 kilometer dari rumah dan larangan makan di premis serta semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka tidak dibenarkan kecuali kepada pelajar universiti yang berkeperluan.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, PKPD selama dua minggu akan dilaksanakan di beberapa lokaliti di Negeri Sembilan, Pahang, Sabah dan Sarawak bermula esok hingga 1 Ogos depan.

Beliau berkata, PKPD di Negeri Sembilan membabitkan empat lokaliti di Rembau iaitu Taman Chembong Utama, Taman Chembong Jaya dan Taman Setia Raja di Mukim Chembong serta Ta-

man KSNS di Mukim Pedas.

Katanya, kerajaan turut memutuskan melaksanakan PKPD di dua lokaliti di Pahang iaitu di Pos Iskandar, Bera dan Kuala Medang, Lipis.

“Lokaliti di Sabah dikenakan PKPD pula ialah Apartmen Seri Maju, Kota Kinabalu; Kampung Tinusa 2, Sandakan dan dua lokaliti di Tawau iaitu QL Farm Breeder, Jalan Stesen TV dan Kuarters Pekerja Onika Kuari,” katanya.

Ismail Sabri berkata, PKPD turut dilaksanakan di dua lokaliti di Sarawak iaitu di Kampung Garung, Kuching dan Kampung Pasir Hilir daerah Lundu, Bahagian Kuching.

Katanya, SOP semua PKPD sama seperti diumumkan sebelum ini dan orang ramai boleh mendapatkan maklumat lanjut di laman sesawang www.mkn.gov.my